

ROKIAH-ROKIAH DAN ELORI.1. PENGERTIAN :

Bab dua ini akan membicarakan mengenai konsep-konsep yang digunakan dalam kajian ini serta menguraikan berkenaan teori yang digunakan bagi menjalankan kajian. Teori yang digunakan bagi kajian ini merupakan teori functional oleh Emile Durkheim. Ianya adalah berkenaan 'division of Labour' yang melihat peranan yang dimainkan oleh individu mengekalkan 'order' dalam masyarakat apabila berlaku perubahan struktur masyarakat.

2. Definisi Konsep :

Terdapat dua konsep utama yang digunakan dalam kajian ini.

Konsep-konsep tersebut ialah;

i- Institusi informal.

ii- Solidarity.

2.1 Institusi Informal :

Bagi melihat definisi institusi informal, adalah perlu bagi kita untuk melihat pengertian institusi terlebih dahulu.

Institusi secara ringkasnya merupakan 'organize system of human activities'. Apa yang dimaksudkan di sini, institusi merupakan satu set perlakuan atau aktiviti manusia yang tersusun. Perlakuan-perlakuan itu pula dikongsi bersama oleh individu-individu yang bergabung dalam organisasi tersebut.

Ini adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh Malinowski ;

A group of people united for pursuit of a simple or complex activity; always in possession of a material endowment and a technical outfit; organized on a definite law or customary charter; linguistically formulated in myth, legend, rule, and a kin and trained or prepared for the carrying out of its tasks.

Jelas disini memperlihatkan bahawa institusi dalam masyarakat adalah merupakan satu kesatuan individu-individu dalam masyarakat, dimana mereka ini bergabung bagi mencapai matlamat-matlamat tertentu berdasarkan nilai-nilai atau norma-norma serta prinsip yang ditegak. Ini terlihat misalnya dalam institusi keluarga. Individu-individu dalam institusi ini adalah dikehendaki menghormati ibu bapa mereka dan menjalin hubungan baik dengan anggota kekerabatan mereka sebagai mengikuti norma yang terkandung dalam institusi tersebut. Nilai seperti ini adalah diterapkan melalui proses-proses sosialisasi yang dilalui oleh individu dalam masyarakat.

Malinowski selanjutnya menyatakan institusi sebagai ;

Group of people united by common interest, endowed with material equipment, following rules of their tradition or agreement, and contributing towards the work of the culture as a whole.

Di sini dapat difahami, pengertian institusi itu merangkumi konsep yang luas. Institusi dapat dilihat sebagai sub-sistem dari sistem kemasyarakatan, dimana sistem kemasyarakatan itu bergerak atas tujuan mewujudkan order dalam kehidupan manusia. Dari sistem tersebut terdapat sub-sistem atau sistem kecil di dalamnya seperti sistem kekeluargaan, sistem pentad-

biran serta sistem pendidikan. Sistem-sistem ini pula wujud dan bergerak berdasarkan kehendak dan mengikuti nilai-nilai yang dikonsi oleh anggota masyarakat di bawahnya. Aspek menggerakkan hubungan antara ahli kekerabatan ini merupakan kehendak yang diterapkan kedalam sistem tersebut, yaitu institusi kekeluargaan. Oleh itu institusi sosial dalam masyarakat dapat ditakrifkan sebagai prinsip-prinsip dan norma dalam masyarakat, dimana norma dan prinsip tersebut berfungsi sebagai satu fenomena yang menyatukan kegiatan anggota masyarakat. (2)

Kemasukan arus pemodenan barat yang diterima oleh masyarakat akibat dari 'division of labour', mengakibatkan perubahan struktur masyarakat tersebut. Ini turut mempengaruhi nilai dan norma yang dipegang oleh anggota masyarakat sebelumnya. Akibat dari perkembangan ini juga menghasilkan pembahagian tanggung jawab yang semakin kompleks dalam masyarakat. Ini terlihat misalnya dalam institusi sosial masyarakat. Kini terdapat sebahagian dari institusi tersebut mendapat pengiktirafan dari masyarakat keseluruhannya. Ini khususnya dari kontex yang lebih besar, yaitu negara. Pengiktirafan tersebut berbentuk authority dan pengakuan dari kesemua kelompok masyarakat. Institusi-institusi tersebut kini mempunyai strata pengurusan dan kewangan bagi menguruskan perjalanannya. Ini seperti institusi pendidikan dan pentadbiran.

2, DAVID L. SILLS: INTERNATIONAL ENCYCLOPEDIA OF SOCIAL SCIENCES, CROSBELL COLLIER AND MACMILLAN, INC. 1968.

Maka institusi informal dapat di fahami sebagai satu sistem dal masyarakat yang bergerak menyatukan masyarakat berdasarkan norma yang ditegah serta tuntutan kehendak anggota masyarakat tersebut. Sistem tersebut pula tidak mempunyai authoriti bagi melaksanakan fungsinya dari pemerintah. Ini misalnya sistem kekeluargaan yang wujud dalam masyarakat, juga sistem pendidikan informal seperti silat, kompiang dan kelas al juran. Sistem-sistem ini bergerak dalam masyarakat hanya dari tuntutan masyarakat tersebut dan tidak mempunyai sistem pentadbiran yang khusus. Berbeza dengan institusi sekolah, ianya merupakan sistem pendidikan formal dalam masyarakat kini. Kesimoulannya dapat dikatakan institusi informal dalam masyarakat kini sebagai sistem-sistem atau sub-sistem tradisi yang bergerak dalam masyarakat. Institusi sedemikian hanya mengawal masyarakat melalui kuasa pengaruh adat tanpa authoriti dari pihak pemerintah.

2.1 Solidariti :

Solidariti merupakan satu konsep yang diberikan terhadap tahap hubungan anggota sesebuah masyarakat. Solidariti dapat di fahami juga sebagai keharmonian masyarakat atau 'social harmony'. Ini berarti solidariti merupakan kosepsi bagi keadaan atau suasana sesebuah masyarakat yang meliputi pergerakan sistem-sistem di dalamnya, interaksi-interaksi yang berlangsung bagi mencapai keharmonian dalam masyarakat tersebut. Keberhasilan atau kegagalan usaha-usaha tersebut akan mempengaruhi bentuk keakraban atau semangat setia kawan individu masyarakat. Untuk memahami pengartian solidariti ini, perlu di

lihat aspek-aspek yang terkandung di dalamnya. Solidariti mempunyai dua bentuk yang dikembalikan kepada masyarakat ;

i- Mechanical solidariti ;

Mechanical solidariti merupakan pengiktirafan terhadap masyarakat yang anggotanya melalui hubungan akrab di antara mereka. Ini berarti masyarakat yang anggotanya mengamalkan semangat setiakawan yang maxima merupakan satu masyarakat yang memiliki mechanical solidariti.

ii- Organic solidariti ;

Masyarakat yang anggotanya berinteraksi atas dasar saling bergantung serta sebagai memenuhi kehendak atau keperluan mereka dari orang lain merupakan masyarakat yang memiliki organic solidariti. Jelasnya anggota masyarakat ini tidak mempunyai rasa setiakawan yang tulin. Ini terlihat dalam masyarakat moden atau masyarakat bandar kini.

Tegasnya, solidariti merupakan rumusan terhadap tingkat hubungan anggota sesebuah masyarakat. Rumusan tersebut menilai sistem yang terdapat dalam masyarakat tersebut, interaksi yang terjalin antara anggotanya serta norma dan nilai yang dipegang, serta keadaan persekitaran yang mempengaruhi tahap hubungan tersebut. Maka dapat dikatakan bahawa solidariti adalah merupakan penilaian yang diberikan terhadap darjat keharmonian dan 'order' sesebuah masyarakat. Masyarakat yang kuasa pengaruh tradisinya masih kuat, di mana anggotanya nilai-nilai

tradisi seperti semangat kerjasama dan setiakawan adalah memiliki nilai-nilai mechanical solidarity. Kini kala masyarakat yang pengaruh kuasa tradisi adalah lemah, maka masyarakat tersebut merupakan komuniti yang memiliki tahap solidariti yang organic.

3. Teori :

Kajian ini dijalankan berdasarkan teori Emile Durkheim. Ianya adalah berkenaan hubungan antara individu-individu dalam masyarakat. Bukunya *The Division of Labour In Society* cuba menguraikan hubungan antara individu dalam masyarakat tradisi dan masyarakat moden. Menurut beliau, asas dan tahap hubungan yang dilalui oleh kedua-dua jenis masyarakat ini adalah berbeza. Masyarakat tradisi, di mana perjalanan kuasa adatnya adalah kuat mengakibatkan interaksi yang terjalin di antara anggotanya wujud secara mechanical. Anggota masyarakat yang telah 'internalize' nilai dan norma masyarakatnya akan bertindak berdasarkan tuntutan dan kehendak norma dan nilai tersebut.

Manakala dalam masyarakat moden, kuasa adat tadi tidak lagi mempunyai pengaruh yang maximum terhadap anggota masyarakat. Ini adalah akibat dari sistem pembahagian kerja yang semakin kompleks, di mana individu mempunyai kemahiran dalam bidang tertentu. Keadaan-keadaan ini ditambah dengan kehendak-kehendak semula jadi manusia akan memandu anggota masyarakat untuk saling berhubungan antara mereka. Hubungan sedemikian wujud adalah secara organic, di mana timbul akibat dari kesedaran individu itu sendiri tanpa pengaruh dari masyarakat. (3)

Beliau kemudiannya mencadangkan dua jenis idea dari an Eisa-nya mengenai division of labour ;

3.1 Mechanical Solidarity ;

Beliau mengemukakan bahawa mechanical solidariti wujud dalam masyarakat tradisi. Ianya adalah hasil dari perjalanan kuasa adat dikalangan anggota masyarakat. Asas kesatuan masyarakat ini adalah 'likeness', iaitu semacam semangat kekitaan yang wujud dikalangan anggota masyarakat. Akibat dari 'likeness' itu, anggota masyarakat seterusnya mewujudkan sistem-sistem nilai dan norma yang diterima oleh semua anggotanya bagi mengawal keharmonian dalam masyarakat. Ini adalah seperti nilai baik dan buruk di mana mencuri dianggap sebagai perbuatan yang tidak baik, manakala bantu membantu adalah sikap yang baik.

Fenomena sedemikianlah yang akhirnya mewujudkan apa yang disebut sebagai 'kuasa adat'. Pengamalan sistem norma dan nilai ini akhirnya mewujudkan 'collective consciousness' di kalangan anggota masyarakat tersebut. Ia merupakan satu sistem nilai yang dikongsi bersama oleh sekelompok manusia bagi mengawal anggotanya dan mewujudkan 'order' dalam masyarakat. 'Collective consciousness' ini seterusnya diwarisi oleh generasi seterusnya melalui proses sosialisasi yang dialami sepanjang tempoh mereka membesar dalam masyarakat tersebut. Akhirnya sistem tersebut 'internalize' ke dalam diri mereka.⁽⁴⁾ Situasi sedemikianlah yang memastikan kewujudan sistem tersebut yang berterusan dalam masyarakat ini.

4, Emile Durkheim: The Division Of Labour In Society.

Keadaan-keadaan inilah yang menacetuskan perjalanan kuasa adat dal masyarakat ini. Kuasa adat ini berfungsi untuk memastikan 'social harmony' dalam kehidupan bermasyarakat.⁽⁵⁾ Situasi inilah yang akhirnya mewujudkan secara mechanical, solidariti dalam masyarakat tersebut. Solidariti adalah terbentuk hasil dari kebiasaan yang di ketahui oleh anggota masyarat itu, dan bukan dari cetusan kesedaran individu dalam masyarakat, iaitu 'real individuality' anggotanya.

Perlakuan dan tindakan yang dilakukan oleh individu adalah hasil dari sosialisasi yang dialaminya. Perlakuan individu itu adalah dikawal oleh nilai dan norma masyarakatnya. Ini adalah sebagai akibat dari 'collective consciousness' dan perjalanan kuasa adat dalam masyarakat tersebut, di mana penyelewengan atau pelanggaran mana-mana norma dan nilai tersebut akan mengakibatkan individu tersebut dikenakan hukuman atau 'sanction'. Hukuman ini adalah berbentuk moral, seperti pemulauan oleh anggota masyarakat terhadap individu yang menyeleweng. Ini akan mengakibatkan individu itu terasing dari masyarakatnya. Ini akhirnya menyebabkan individu dalam masyarakat sentiasa mematuhi norma yang dipegang oleh masyarakatnya.

Keadaan sedemikian terlihat dalam masyarakat tradisional, anggota masyarakat sedemikian adalah memiliki semangat setiakawan yang tinggi diantara mereka. Norma masyarakat yang menghendaki anggotanya saling membantu contohnya, sentiasa diamalkan oleh individu di dalamnya. Ini adalah kerana penyelewengan darinya akan mengakibatkan individu tersebut terasing dari anggota mas-

perakibatnya. Jika akan terlihat individu anggota masyarakat ini akan saling membantu dalam kehidupan mereka. Ini tentunya adalah akibat dari perjalanannya kuasa adat tersebut. Akibatnya, *solidarity* dalam masyarakat sedemikian wujud sebagai akibat dari kawalan norma dan nilai yang dipegang. Ini secara *mechanicalnya* mewujudkan *solidarity* di kalangan anggota masyarakat.

3.2 Organic Solidarity :

Organic solidarity pula adalah wujud dalam masyarakat moden yang mengalami perkembangan sistem pembahagian kerja. Akibat dari sistem pembahagian kerja yang semakin kompleks itu mengakibatkan kuasa adat semakin hilang pengaruhnya dalam masyarakat. Ini seterusnya mewujudkan bentuk-bentuk norma dan nilai yang baru, di mana mengakibatkan 'individuality' seseorang itu semakin nyata. Akhirnya mencetuskan kesedaran di kalangan mereka akibat dari tuntutan biological mereka menjalin hubungan dengan anggota masyarakat lainnya. Ini mengakibatkan *solidarity* wujud secara *organic*.

Masyarakat yang mengalami sistem pembahagian kerja yang kompleks akan mengakibatkan individu-individu di dalamnya mempunyai kemahiran dalam satu-satu bidang; Ini sebagaimana yang disebutkan oleh Robert N. Belliah;

... they are constituted, not by a repetition of similar homogeneous segments, but by a system of different organs each of which has a special role, and which are themselves formed of differentiated parts. (2)

Ini tentunya mengakibatkan mereka tidak mempunyai kemahiran dalam bidang lain. Individu dalam masyarakat ini misalnya pegawai tadbir, hanya mempunyai kemahiran dalam bidangnya. Ia tidak mengetahui bagaimana hendak bertani bagi mendapatkan sumber makanan, ia juga tidak tahu bertukang untuk membina rumah untuk perlindungan. Kekurangan ini akan memaksa individu tersebut bergantung kepada individu lain bagi memenuhi keperluannya; contohnya ia terpaksa bergantung kepada petani bagi mendapatkan makanan dan bergantung kepada ahli tukang untuk membina sebuah rumah. Keadaan ini mewujudkan keadaan saling bergantung yang maxima dikalangan anggota masyarakat tersebut. Ini sebagaimana yang disebutkan oleh Robert N. Bellah;

... in organized societies, social harmony comes essentially from the division of labour. It is characterized by a cooperation which is automatically produced to the pursuit by each individuals of his own interest. It suffices that each individuals concentrate himself to a special function in order, by the force of events, to make himself solidarity with others. (7)

Jelasnya di sini, interaksi yang berlaku dalam masyarakat sedemikian adalah diakibatkan oleh kehendak atau tuntutan individu itu sendiri. Berbeza dengan masyarakat tradisi, hubungan yang terjalin sebagai akibat dari kongkongan norma dan nilai mereka sendiri, di mana dalam masyarakat ini pengaruh kuasa adat adalah kuat. Masyarakat moden sebaliknya, hubungan yang terjalin adalah pilihan individu itu sendiri tanpa kawalan dari nilai dan norma, dimana 'inter-dependent' merupakan aspek terpenting dalam masyarakat ini.

Individu dalam masyarakat sedemikian adalah memiliki 'individuality' yang tulin. Hubungan yang terjalin adalah pilihan sendiri. Namun yang jelas terhasil dalam masyarakat ini merupakan 'kepentingan diri', di mana individu adalah mengutamakan kepentingan diri mereka sendiri terlebih dahulu sebelum lainnya. Fenomena ini ditambah dengan keadaan mereka yang terbagi dalam sistem kerja mengakibatkan individu adalah mementingkan kegiatan mereka sendiri. Ini tentunya akan mengurangkan interaksi yang berlangsung di antara anggota masyarakat yang membawa kepada pengasingan diri dari hal-hal masyarakat. Namun akibat dari keadaan-keadaan ini pengantungan mereka terhadap individu lain menjadi lebih tinggi juga terhadap masyarakat yang akhirnya membawa kepada penyatuan anggota-anggota masyarakat. (8)

Jelasnya disini, organic solidariti terjadi dalam masyarakat yang melalui sistem pembahagian kerja yang kompleks. Asas hubungan yang dijalani oleh masyarakat ini adalah saling bergantung individu di dalamnya antara satu dengan yang lainnya. Ini akibat dari 'specialization' yang mereka alami hanya menjurus kepada satu bidang sahaja. Ini mengakibatkan kekurangan dalam diri mereka di bidang lain. Tuntutan biologi mereka dalam keadaan ini memaksa mereka bergantung kepada kemahiran individu lain untuk penuhi tuntutan tersebut, begitu juga sebaliknya. (9) Maka dalam keadaan ini, solidariti terbentuk secara organic, iaitu melibatkan 'individuality' individu tersebut.

8, Ibid, hal 110.

9, Ibid, hal 69.